

MAHASISWA DAN PEMBELAJARAN BERKESAN

Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi K. A. (2015). Mahasiswa dan Pembelajaran Berkesan in *Mahasiswa dan Kehidupan Menurut Perspektif Islam: Pengurusan Efektif untuk Berjaya Jilid II*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press, p. 1-24. ISBN: 978-983-52-1041-9.

INTRODUCTION

Belajar di universiti berbeza dengan belajar ketika di sekolah menengah dan pra universiti. Pada peringkat ini kecemerlangan pelajar adalah bergantung pada keupayaan yang lebih menyeluruh bagi setiap kursus, iaitu penilaian dilaksanakan dengan sebahagian besar pemarkahan adalah daripada penilaian berterusan dan sebahagian kecil pula datang daripada peperiksaan. Lagi tinggi tahap pengajian di universiti, maka semakin kecil penilaian dalam bentuk peperiksaan. Sehingga ke tahap pengajian Doktor Falsafah, penilaian dalam bentuk penilaian berterusan dan penghasilan sesuatu kajian adalah menjadi keutamaan. Oleh sebab itu, teknik belajar di universiti juga sudah tentu berbeza dengan teknik belajar pada peringkat sebelumnya.

Bab ini akan cuba mengupas beberapa kemahiran yang sangat penting dalam proses pembelajaran para pelajar di universiti, iaitu kemahiran membaca, kemahiran mengambil nota, kemahiran bercakap, kemahiran menulis tulisan akademik, serta kemahiran mengulang kaji dan menjawab peperiksaan.

REFERENCES

- Abbasi, Manshoor Hussain, Siddiqi, Attiya, & Azim, Rahat ul Ain. (2011). Role of Effective Communications for Enhancing Leadership and Entrepreneurial Skills in University Students. *International Journal of Business and Social Science*, 2(10), 242-250.
- Abdul Aziz, Mohd Najib, & Ahmad, Nor Shafrin. (2008). Kemahiran Belajar dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik: Kajian di Daerah Kerian, Perak. [The Relationship Between Learning Skills and Students Academic Achievement: A Study in the District of Kerian, Perak]. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 23, 29 - 47.
- Abdul Majid, Marziana. (2013, 4-5 June 2013). *Membudayakan Adab dalam Penggunaan Internet dalam Kalangan Pelajar*. Paper presented at the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013, Penang, Malaysia.
- Abedin, Md. Minhajul, Majlish, Saiful Hassan Khan, & Akter, Shorna (2009). Listening Skill At Tertiary Level: A Reflection. *The Dhaka University Journal of Linguistics*, 2(3), 69-90.
- Al-Firdaus, Mochammad Malik (2012). SQ3R Strategy for Increasing Students' Retention of Reading and Written Information. *Open Journal Systems*, 37(1), 1-15.
- Al-Samarqandi, Abu al-Laith. (t.t.). *Bahr al-'Ulum*. T.P.: T.T.P.
- Al-Tabari, Muhammad. (2000). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran* (Vol. 1-24). Beirut: Mu'assash al-Risalah.
- Amin, Mohd Hairudin, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press.
- Eanet, Marilyn G., & Manzo, Anthony V. (1976). REAP-A Strategy for Improving Reading/Writing/Study Skills. *Journal of Reading*, 19(8), 647-652.
- Fengjuan, Zhang. (2010). The Integration of the Know-Want-Learn (KWL) Strategy into English Language Teaching for Non-English Majors. *Chinese Journal of Applied Linguistics (Bimonthly)*, 33(4), 77-86.
- Ilias, Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2011). *Peranan Pendidikan Islam dalam Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama*.

- Paper presented at the Persidangan Kebangsaan Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Ismail, Muhamad Faiz, Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2012, 8-9 March 2012). *Pemantapan Peranan Guru dan Kaedah P&P Pendidikan Islam: Suatu Agenda Berterusan (Strengthening Role and the Method of Teaching and Learning in Islamic Education: a Continuing Agenda)*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. (PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Retrieved from <http://dms.library.utm.my:8080/vital/access/manager/Repository/vital:67877>
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013). *Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan Islam: Pengamalan Guru Cemerlang Pendidikan Islam*. Paper presented at the Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia, Main Hall of Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). <http://eprints.utm.my/38362/1/Cover%20%26%20Paper.pdf>
- Jasmi, Kamarul Azmi, Ibrahim, Noratikah, & Ilias, Mohd. (2012, 8-9 March 2012). *Gaya Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Meraji, Mohd, & Nawawi, Noor Fadhlina. (2012). *Beberapa Hari Permulaan dalam Bilik Darjah*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012], Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Nawawi, Noor Fadhlina. (2012, 8-9 March 2012). *Model Guru Berkualiti dari Perspektif Tokoh Pendidikan Islam dan Barat*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2007a, 22-23 Ogos 2007). *Guru Cemerlang dalam Sekolah Berkesan*. Paper presented at the Seminar Pendidikan Kebangsaan Halatuju dan Masa Depan Pendidikan Negara, Auditorium Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2007b). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Tamuri, Ab Halim, & Hamzah, Mohd Izham Mohd. (2011). Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan. *Jurnal Teknologi*, 56(1), 179-198.
- KSM. (2014). Pengucapan Awam yang Berkesan. Retrieved 21 September 2014, 2014, from <http://web.moe.gov.my/bppk/pdf/penerbitan/PENGUCAPAN%20AWAM%20YANG%20BERKESAN.pdf>
- Makki, Abu Muhammad. (2008). *Al-Hidayah ila Bulugh al-Nihayah fi 'ilm ma'ani al-Qur'an wa tafsirih wa Ahkamih wa Jumali li Funun 'Ulumih* (Majmu'at Rasa'il Jami'iyah bi Kuliyyah al-Dirasat al-'Ulya wa al-Bahs al-'Ilm - Jami'ah al-Sharifah Ed. Vol. 1-13). Makkah: Majmu'at Buhuth al-Kitab wa al-Sunnah - Kulliyyat al-Shari'ah wa al-Dirasat al-Islamiyyah - Jami'at al-Syariqah.
- Maqatil, Sulayman. (2002). *Tafsir Maqatil bin Sulayman* ('Abdullah Mahmud Shahatih Ed.). Beirut: Dar Ihya' al-Turath.
- Mohamad, Baharom. (2012). Menguasai Kemahiran Membaca Secara Berkesan. *Utusan Borneo*, B3-B4.
- Mohamad, Shamsudin, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2011). *Penyeliaan Guru dalam Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Mohd Noor, Ahmad Firdaus, Jasmi, Kamarul Azmi, & A Shukor, Khairunnisa. (2014). Elemen Kemahiran Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam di Politeknik Premier: Satu Kajian Rintis. *The Online Journal of Islamic Education*, 2 (2), 96-106.
- Mohd Noor, Ahmad Firdaus, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2013, 18-19 Disember 2013). *Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam Politeknik: Satu Kajian Kes*. Paper presented at the Seminar Pasca Siswazah Fakulti Tamadun Islam Kali Kedua 2013, Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yusoff, Nurahimah, Osman, Rafisah, Shaari, Abdull Sukor, & Ghazali, Mohd Izam. (2012). *Kemahiran Belajar dalam Kalangan Pelajar Bidang Pendidikan*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012, The Zon Regency by The Sea Johor Bahru. <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/medc2012/pdf/63.pdf>
- Mohd. Hairudin, Amin, & Kamarul Azmi, Jasmi. (2011). *Sekolah Agama: Penjana Generasi Berakhlak* (Ed. 1. ed.). Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia: Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.
- Moktar, Zainah. (2011). *Awet Muda 7 Rabsia Kesihatan Holistik*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Morreale, Sherwyn P., Osborn, Michael M., & Pearson, Judy C. (2000). Why Communication is Important: A Rationale for the Centrality of the Study of Communication. *Journal of the Association for Communication Administration*, 29, 1-25.
- Ogle, Donna M. (1986). KWL: A Teaching Model that Develops Active Reading of Expository Text. *The Reading Teacher*, 40(564-570).

- Pauk, Walter. (1984). The New SQ4R. *Reading World*, 23(3), 274-275. doi: 10.1080/19388078409557775
- Pauk, Walter, & Owens, Ross J. Q. (2005). *How to Study in College* (Eight Edition ed.).
- Quintus, Lori, Borr, Mari, Duffield, Stacy, Napoleon, Larry, & Welch, Anita. (2012). The Impact of the Cornell Note-Taking Method on Students' Performance in a High School Family and Consumer Sciences Class. *Journal of Family & Consumer Sciences Education*, 30(1), 27-38.
- Robinson, Francis Pleasant. (1962). *Effective study*. New York: Harper and Row.
- Rosman, Arieff Salleh. (2002). *Harta Intelektual Menurut Fiqh Islam: Pendekatan Perbandingan dengan Undang-undang Malaysia*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Rosman, Arieff Salleh, Hassan, Ahmad Mahyuddin, Suratman, Azmi Shah, Ripin, Mohd Nasir, & Marni, Nurazmallail. (2008). Persepsi Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Terhadap Plagiarisme. *Jurnal Teknologi*, 48(E), 1-14.
- Sarji, Asiah. (1982). Berucap untuk Khlayak Umum. *Jurnal Komunikasi*, 2(1), 30-38.
- Suardani, A., Ardana, K., & Putra, Adnyana (2013). Pengaruh Model Pembelajaran SQ4R terhadap Keterampilan Membaca dalam Pembelajaran Bahasa Indonesia Siswa Kelas V Sd Gugus I Denpasar Selatan. *Mimbar PGSD*, 1(1), 1-10.
- Sulaiman, Zaharuzzaman, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2013, 26 Jun 2013). *Gaya Pembelajaran dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar: Satu Kajian Tinjauan di Pusat Pendidikan Andalus Peringkat Menengah di Singapura*. Paper presented at the Seminar Pasca Siswazah Pertama. Fakulti Tamadun Islam, Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Tamuri, Ab Halim, Ismail, Muhamad Faiz, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). Komponen Asas untuk Latihan Guru Pendidikan Islam [Basic Components for Islamic Education Teacher Training]. *Global Journal al-Thaqafah*, 2(2), 53-63.
- Tandon, Ruchi. (2012). Public Speaking, an Inborn Talent or a Skill. *VSRD Technical & Non-Technical Journal an International Journal*, 3(2), 79-83.
- Tasdemir, Mehmet. (2010). The Effects of the REAP Reading Comprehension Technique on Students' Success. *Social Behavior and Personality an International Journal*, 38(4), 553-560.
- Weaver, Constance. (1994). *Reading Process and Practice: From Socio-Psycholinguistics to Whole Language* (Second Edition ed.). Portsmouth, NH: Heinemann.

1

MAHASISWA DAN PEMBELAJARAN BERKESAN

Kamarul Azmi Jasmi

PENGENALAN

Belajar di universiti berbeza dengan belajar ketika di sekolah menengah dan pra universiti. Pada peringkat ini kecemerlangan pelajar adalah bergantung pada keupayaan yang lebih menyeluruh bagi setiap kursus, iaitu penilaian dilaksanakan dengan sebahagian besar pemarkahan adalah daripada penilaian berterusan dan sebahagian kecil pula datang daripada peperiksaan. Lagi tinggi tahap pengajian di universiti, maka semakin kecil penilaian dalam bentuk peperiksaan. Sehingga ke tahap pengajian Doktor Falsafah, penilaian dalam bentuk penilaian berterusan dan penghasilan sesuatu kajian adalah menjadi keutamaan. Oleh sebab itu, teknik belajar di universiti juga sudah tentu berbeza dengan teknik belajar pada peringkat sebelumnya.

Bab ini akan cuba mengupas beberapa kemahiran yang sangat penting dalam proses pembelajaran para pelajar di universiti, iaitu kemahiran membaca, kemahiran mengambil nota, kemahiran bercakap, kemahiran menulis tulisan akademik, serta kemahiran mengulang kaji dan menjawab peperiksaan.

KEMAHIRAN MEMBACA


Kemahiran membaca adalah sangat penting kepada mahasiswa. Pada peringkat ini membaca merupakan aktiviti yang paling penting yang perlu dilakukan oleh para Mahasiswa kerana mereka perlu membaca

maklumat isi penting tajuk yang akan dibincangkan oleh pensyarah dan membaca selepas bahan bacaan selepas sesi pengkuliahan. Selain itu, para mahasiswa juga perlu membaca untuk mendapatkan bahan dan isi untuk menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah mereka. Apa yang lebih penting adalah membaca untuk menyiapkan kertas projek dan tesis peringkat sarjana dan doktor falsafah (Mohd Yusoff *et al.*, 2012).

Menurut Mohamad, B. (2012: 3-4) terdapat empat teknik utama kemahiran membaca. Teknik ini boleh digunakan oleh mahasiswa ketika mendapatkan mencari, mengumpul bahan, memahami bahan, dan mendapatkan ilmu dan maklumat. Empat teknik tersebut ialah SQ3R, SQ4R, KWLH, dan REAP.

SQ3R – Servey, Question, Read, Recite, and Review

Terma SQ3R merupakan terma pengajaran pembacaan bagi meningkatkan kefahaman terhadap sesuatu tulisan atau artikel. SQ3R sudah boleh dikesan penggunaannya sekitar tahun 1946. Namun elemen ini sudah diperbincangkan sejak daripada tahun 1920-an lagi. Teknik ini diperkenal secara lengkap dan sempurna oleh Robinson (1962) dalam pembelajaran bahasa.



Rajah 1 Model Teknik Membaca SQ3R oleh Robinson (1962)

Berdasarkan Rajah 1, lima langkah SQ3R untuk meningkatkan penguasaan pembacaan tersebut ialah melihat tajuk utama sepintas lalu, menukar tajuk utama sebagai soalan, membaca setiap bahagian kecil daripada teks bagi menjawab soalan, mengeluarkan, dan menyusun idea yang diperoleh, dan menyebut kembali tajuk utama melalui persoalan yang dilontarkan.

Teknik dalam banyak kajian didapati membantu mahasiswa dalam mengekstrak secara maksimum dalam masa yang cepat sesuatu artikel yang dibaca. Hal ini kerana teknik SQ3R membantu pembaca menyusun struktur perkara pokok dalam teks ke dalam pemikiran selain membantu seseorang mahasiswa untuk memasang matlamat pemahaman dan mengasingkan antara data yang utama dengan data sampingan (Al-Firdaus, 2012).

SQ4R – Survey, Question, Read, Record, Recite, and Reflect

Teknik ini diperkenalkan oleh Pauk (1984) dengan sedikit perbezaan dari segi 4R berbanding 3R dalam teknik membaca yang pertama. Pada hakikatnya model SQ4R ini hasil modifikasi daripada model SQ3R berdasarkan keperluan yang lebih besar dalam pembelajaran pembacaan manusia.



Rajah 2 Teknik Membaca SQ4R oleh Pauk (1984)

Berdasarkan teknik SQ4R ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 2 bahawa kaedah membaca ini terdapat enam langkah pembacaan. Langkah tersebut ialah melihat tajuk utama sepintas lalu, menukar tajuk utama sebagai soalan, membaca bahagian kecil bagi menjawab soalan, mengeluarkan dan menyusun idea yang diperoleh, membuat catatan, menyebut kembali tajuk utama melalui persoalan yang dilontarkan, dan akhir sekali merangka peta minda terhadap isi penting dalam pemikiran. Teknik ini juga menurut kajian terhadap mahasiswa mempunyai pengaruh positif yang jelas dan signifikan terhadap keupayaan membaca dalam pembelajaran (Suardani et al., 2013).

KWLH – Know, Want, Learnt, and How

Teknik ini diperkenalkan oleh Ogle (1986) dan Weaver (1994). Berdasarkan Rajah 3, penggunaan teknik ini dengan mahasiswa mesti menjawab empat persoalan daripada sesuatu teks yang ingin dibaca, iaitu apa yang diketahui, apa yang hendak diketahui, apa yang hendak dipelajari semasa membaca bahan bacaan, dan bagaimana maklumat tambahan yang diketahui dapat diguna dan diaplikasikan dalam penyampaian atau penulisan.



Rajah 3 Teknik Membaca KWLH oleh Ogle (1986) dan Weaver (1994)

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Fengjuan (2010) menunjukkan bahawa teknik KWLH ini membentuk mewujudkan integrasi yang baik antara pelajar dan pensyarah. Selain itu, teknik ini merupakan strategi yang sangat efektif bagi mencapai matlamat perkembangan pelajar mempelajari kemahiran dalam berbahasa.

REAP - Read, Encode, Annotate, and Ponder

Teknik terakhir kemahiran membaca ini diperkenalkan oleh Eanet & Manzo (1976). Berdasarkan teknik ini empat langkah perlu diambil, iaitu baca untuk mencerpai isi dan mesej yang ingin disampaikan oleh penulis, mengekodkan isi mesej tersebut kepada bahasa pembaca, membuat catatan dalam bentuk tulisan di buku atau alat elektronik, serta membuat refleksi terhadap isi dan mesej yang ditulis. Refleksi dilakukan melalui perbincangan kumpulan dalam memberikan pendapat pada bahan yang telah dikutip atau yang juga mempunyai persamaan dengan bahan yang telah dibaca.



Rajah 4 Teknik Membaca REAP yang diperkenalkan oleh Tasdemir (2010)

Berdasarkan kajian Tasdemir (2010) bahawa kumpulan para pelajar yang membaca menggunakan teknik REAP ini lebih berjaya mencapai tahap yang jelas atau signifikan lebih tinggi berbanding dengan para pelajar yang menggunakan kaedah pembacaan yang lama.

KEMAHIRAN MENDENGAR

Selain membaca, mendengar juga merupakan salah satu kemahiran yang sangat penting kepada mahasiswa ketika belajar. Semua orang mendengar, namun mendengar dengan pemerhatian yang teliti sesuatu demonstrasi, mendengar sambil menghubungkan dengan textual, lakonan, gerak badan, serta mencerakinkan maklumat lisan terhadap apa disampaikan oleh pensyarah yang jarang dipraktikkan oleh mahasiswa. Hal ini

memerlukan latihan untuk mendapatkan kemahiran mendengar (Abdul Aziz & Ahmad, 2008).

Cara yang berkesan untuk mendengar ialah dengan memberi tanggapan terhadap apa yang didengar seterusnya ditafsirkan dalam pemikiran, setelah itu barulah penilaian dibuat dengan memisahkan antara perkara penting dan perkara yang kurang penting. Setelah itu, barulah maklumat tersebut dihubungkan pula dengan pengetahuan sedia para mahasiswa. Akhir sekali, barulah isi penting tersebut ditulis sebagai nota peribadi mereka bagi mengukuhkan lagi ingatan terhadap sesuatu yang dipelajari (Abedin *et al.*, 2009).

Ringkasnya, kemahiran mendengar merupakan elemen yang tidak kurang penting khususnya ketika sesi kuliah di dewan kuliah. Kemahiran ini mampu membantu para mahasiswa mengukuhkan lagi sesuatu pengetahuan yang pernah dibaca, menghubungkan maklumat yang datang dengan yang sedia ada, mengorganisasikan turutan isi, dan akhirnya mengukuhkan lagi dengan catatan sebagai bahan ulang kaji ketika diperlukan.

KEMAHIRAN MENYUSUN NOTA KULIAH

Mencerap nota kuliah dengan usaha mahasiswa sendiri antara kaedah yang berkesan daripada pembelajaran sendiri di peringkat pengajian tinggi. Hal ini kerana, ketika mencatat nota, para pelajar dapat menghubungkan apa yang didengar dengan apa yang dicatat untuk proses ingatan yang lebih lama dalam otak kekal mereka. Oleh sebab itu, di IPT para pensyarah tidak digalakkan untuk memberikan nota dalam bentuk power point dan teks lengkap berbanding pelajar mencatat nota itu dengan usaha mereka sendiri. Kajian di peringkat pengajian tinggi mendapati bahawa salah satu elemen penting pembelajaran mahasiswa ialah kemahiran membuat nota daripada kuliah yang dihadiri oleh mereka dan penggunaan nota kuliah. Metode Cornell dan 5R merupakan antara beberapa teknik kemahiran mengambil dan menyusun nota kuliah.

Metode Cornell

Salah satu daripada cara mengambil nota kuliah yang terbaik ialah menggunakan Metode Cornell (Quintus *et al.*, 2012). Berdasarkan Metode Cornell, halaman tempat untuk menyalin nota dibahagikan kepada tiga bahagian sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 5.

	Tarikh Subjek
Kata kunci	Nota kuliah Terdiri daripada idea utama, data sokongan, dan contoh.
Refleksi, rumusan, dan tindakan yang perlu diambil.	

Rajah 5 Muka halaman nota kuliah berdasarkan Metode Cornell

Ruangan pertama ialah tempat mahasiswa perlu mengambil nota kuliah dari segi idea utama, maklumat sokongan, dan contoh terhadap idea utama tersebut. Ruangan kedua pula ialah tempat meletakkan kata kunci daripada data yang dicatat. Setelah kuliah selesai, ruangan ketiga digunakan untuk mahasiswa membuat refleksi dengan berfikir terhadap catatan yang dilakukan dengan cara membuat rumusan dan mengambil idea tersebut untuk digunakan dalam konteks yang baru. Teknik mengambil nota dan menyusun nota Cornell ini menurut Quintus *et al.* (2012) meningkatkan kemampuan pelajar mengingat dan berjaya sehingga ke tahap 20 peratus lebih tinggi daripada mereka yang tidak mempunyai sebarang kemahiran kaedah mengambil dan menyusun nota kuliah.

5R Metode dalam Mengambil dan Menyusun Nota

Salah satu metode terbaik mengambil dan menyusun nota adalah diperkenalkan oleh Pauk & Owens (2005). Metode ini memperkenalkan lima langkah kaedah pengambilan nota kuliah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 6.



Rajah 6 Metode pengambilan nota kuliah oleh Pauk & Owens (2005)

Berdasarkan metode ini langkah pertama yang perlu dilakukan ialah *recoding*, iaitu menulis kata kunci, frasa, fakta, idea utama, dan konsep utama. Setelah itu mahasiswa melakukan *reducing*, iaitu mahasiswa membuat bentuk rumusan ringkas terhadap nota yang dicatatkan. Rumusan ini sangat berguna untuk belajar dengan cara yang cepat dan sebagai persediaan untuk mengambil ujian atau peperiksaan. Langkah seterusnya pula ialah *reciting*, iaitu mahasiswa membuat analisis atau menyusun kembali frasa terhadap nota yang diambil dengan seberapa segera selepas kelas selesai mengikut gaya bahasa yang mudah difahami oleh mereka. Peringkat ini pada asasnya adalah untuk memudahkan lagi kefahaman mahasiswa mengikut pemikiran dan makna yang mereka faham. Setelah itu, langkah berikutnya ialah *reflecting*, iaitu kadang-kadang mahasiswa tidak dapat memahami dengan baik nota yang disalin dari segi konsep, idea, dan kata kunci. Oleh itu mereka perlu memikirkan perkara tersebut dengan lebih mendalam. Kunci utama kepada langkah ini ialah dengan memikirkan konsep asas, makna konsep tersebut, dan implikasi daripada konsep tersebut kepada kehidupan diri. Proses pemikiran seperti ini membolehkan mahasiswa lebih cekap dalam mengambil nota kuliah. Langkah terakhir pula ialah *reviewing*, iaitu mahasiswa mengambil sedikit masa untuk melihat kembali maklumat yang diambil untuk mengekalkan lagi dalam ingatan.

Sekalipun terdapat universiti yang menetapkan polisi bahawa nota kuliah akan diberikan kepada para mahasiswa secara lengkap dalam bentuk modul. Para pelajar perlu mengambil inisiatif untuk menyediakan nota mereka sendiri berdasarkan panduan yang dijelaskan. Hal ini bertujuan supaya mereka dapat mengingat, memahami, menghubungkan pengetahuan baru kepada pengetahuan sedia ada, dan akhirnya dapat memanfaatkan pengetahuan mereka dalam hidup dalam bentuk amalan dan tulisan akademik.

KEMAHIRAN MENULIS TULISAN AKADEMIK

Salah satu penilaian yang agak besar dalam sistem penilaian di universiti ialah penghasilan kertas kerja akademik yang baik. Oleh sebab itu,

para pelajar yang ingin mendapatkan kejayaan yang cemerlang perlu mengambil inisiatif yang besar untuk menghasilkan tulisan akademik yang berkualiti dalam bentuk kertas kerja yang dikehendaki oleh para pensyarah mereka. Penghasilan kertas kerja yang baik boleh dilakukan dengan mengambil kira langkah berikut, iaitu rancang masa pelaksanaan penghasilan kertas kerja dan pelaksanaannya.

Rancang Masa Pelaksanaan Penghasilan Kertas Kerja

Kebiasaannya para mahasiswa suka untuk menghasilkan kertas kerja pada hujung tarikh penghantaran. Tabiat ini bukanlah satu tabiat yang baik dalam menghasilkan kertas kerja yang baik. Merancang penghasilan kertas kerja sebaik-baiknya dilakukan dengan segera sebaik sahaja mereka diberikan tugas oleh pensyarah masing-masing. Hal ini kerana setelah siap penghasilan sesuatu kertas kerja, mereka masih boleh merujuk pensyarah masing-masing bagi memastikan kualiti penulisan tersebut benar-benar mencapai merit yang tinggi pada pandangan pensyarah mereka. Sekiranya hal ini berlaku, maka sudah tentu mereka akan memperoleh markah yang tinggi dan baik dalam kerja kursus yang dilaksanakan.

Pelaksanaan Penghasilan Kertas Kerja

Cara pelaksanaan kertas kerja yang baik boleh dihubungkan dengan kemahiran membaca seperti yang dibincangkan sebelum ini. Melalui kemahiran membaca yang dipraktikkan, mahasiswa boleh menyusun isi mengikut tajuk yang diberikan dengan sempurna tanpa menjadikan diri terlibat dalam unsur plagiat akademik. Hal ini penting kerana sikap para pensyarah dan mahasiswa hari ini tidak mengambil kesah dengan keburukan plagiat yang dilakukan oleh para pelajar mereka hasil daripada kemudahan ICT dewasa ini. Budaya menyalin tulisan daripada mana-mana sumber dalam internet dan *menpaste*kan semula dalam halaman kertas kerja masing-masing sudah semakin membarah sehingga hilang nilai penghasilan kerja kursus yang berkualiti hasil daripada usaha mereka sendiri (Rosman, 2002; Rosman *et al.*, 2008; Abdul Majid, 2013). Budaya ini juga pada hakikatnya menghilangkan sebahagian daripada matlamat sebenar para mahasiswa, iaitu menerapkan kemahiran diri dalam menghasilkan tulisan bernilai akademik.

Penghasilan kertas kerja yang baik akan dikupas secara lengkap dalam bab yang lain dalam bahagian buku ini. Apa yang lebih penting, penghasilan kertas kerja akademik bukan sesuatu yang sepatutnya diambil mudah oleh para mahasiswa. Hal ini kerana markah yang agak signifikan juga datang daripada penghasilan kertas kerja yang baik.

PEMBENTANGAN LISAN

Setelah para pelajar menghasilkan kertas kerja yang baik, langkah seterusnya pula ialah menghasilkan pembentangan lisan hasil daripada penghasilan kertas kerja yang dilakukan. Pembentangan lisan ini merupakan salah satu aspek terpenting dalam pembelajaran mahasiswa di universiti ialah meningkatkan kemahiran diri dalam pengucapan awam. Sekalipun terdapat bukti bahawa kemahiran pengucapan awam ini banyak diwarisi daripada pewarisan, namun terdapat juga bukti bahawa kemahiran pengucapan awam ini boleh diperolehi melalui latihan yang berterusan dan secara khusus (Tandon, 2012).

Kemahiran ini merupakan kemahiran yang signifikan yang menentukan kejayaan para pelajar apabila mereka berada di lapangan pekerjaan. Bidang sains sosial, sastera, dan keagamaan seperti perguruan, syariah, usuluddin, sains politik dan lain-lain adalah lebih tinggi keperluan kepada kemahiran pembentangan lisan berbanding dengan mereka yang berada dalam bidang sains dan teknologi. Sebagai contoh seorang guru dan pensyarah dalam lapangan pekerjaan akan terlibat secara berterusan dalam kemahiran pengucapan awam dalam khalayak para pelajar, guru, dan masyarakat sekeliling (Jasmi & Tamuri, 2007a; Jasmi, 2010; Jasmi *et al.*, 2011; Mohd. Hairudin & Kamarul Azmi, 2011; Mohamad, S. & Jasmi, 2011; Ilias & Jasmi, 2011; Tamuri *et al.*, 2012; Jasmi, Meraji, *et al.*, 2012; Jasmi & Nawawi, 2012; Ismail *et al.*, 2012; Jasmi, Ibrahim, *et al.*, 2012; Amin & Jasmi, 2012; Jasmi, 2013; Mohd Noor, Ahmad Firdaus & Jasmi, 2013; Sulaiman & Jasmi, 2013; Mohd Noor, Ahmad Firdaus *et al.*, 2014). Hal ini demikian kerana keupayaan berkomunikasi merupakan salah satu aspek terpenting dalam pemilihan calon bekerja dalam sesi temu duga pekerjaan (Morreale *et al.*, 2000; Abbasi *et al.*, 2011). Oleh sebab itu, tidak boleh tidak, mahasiswa perlu merencanakan diri untuk memiliki kemahiran pengucapan awam melalui latihan pembentangan lisan bagi setiap kursus yang diikuti sehingga menjadi pembentang yang baik.

Menurut Tandon (2012), pembentang yang baik mempunyai lapan ciri yang utama. Ciri-ciri ini menurut beliau adalah datang daripada pewarisan dan datang daripada latihan yang khusus. Ciri tersebut seperti yang digambarkan dalam Rajah 7.



Rajah 7 Ciri Pembentang yang baik dan cemerlang menurut Tandon (2012)

Menurut Sarji (1982) terdapat enam langkah dalam mempelajari pembentangan secara lisan agar langkah ini dapat dikuasai setiap mahasiswa, iaitu pemilihan tajuk, kajian latar belakang audiens, strategi penyampaian, menyusun atur ucapan, melakukan ucapan, dan sesi soal jawab.

Pemilihan Tajuk

Tajuk pemilihan pada dasarnya ditentukan oleh para pensyarah mengikut skop kursus yang diambil oleh para pelajar. Oleh itu, pemilihan tajuk

tidak perlu dipersoalkan oleh mahasiswa melainkan jika para mahasiswa diberi pilihan untuk memilih tajuk mereka sendiri mengikut skop yang ditetapkan. Sekiranya diberi pilihan, maka pilihan tajuk yang baik ialah tajuk yang terkini untuk membolehkan para pelajar belajar dan mengetahui sesuatu yang baru. Hal ini kerana, sesuatu yang baru memberikan informasi yang berguna kepada para pelajar yang mencari maklumat dan dalam masa yang sama memberikan informasi yang baru kepada para audiens. Hal ini sudah tentu memberikan rasa kekaguman yang tinggi kepada pensyarah dan audiens pelajar yang lain.

Kajian Latar Belakang Audiens

Elemen latar belakang audiens seperti umur, jumlah audiens, jantina, taraf perkahwinan, bangsa, sosial dan budaya, taraf pendidikan, minat, tahap pengetahuan, serta pengharapan amat perlu bagi menyesuaikan pembentangan dengan kaedah yang ingin digunakan (KSM, 2014).

Apa yang jelas, audiens pembentangan dalam konteks pembentangan kursus tidak menjadi persoalan. Hal ini kerana pada asasnya para pelajar akan membentangi sesama mereka kerana tujuan pembentangan adalah untuk melatih bagi mendapatkan kemahiran pengucapan awam di dalam dewan kuliah. Kemampuan dalam pengucapan awam di dalam bilik kuliah merupakan latihan terbaik untuk mahasiswa belajar teknik pengucapan awam sebelum para mahasiswa berucap kepada audiens yang lebih pelbagai dalam situasi sebenar pengucapan awam di alam pekerjaan.

Subjek audiens yang paling penting dalam pembentangan lisan ialah pensyarah kursus itu sendiri. Oleh itu, mahasiswa perlu mendapatkan maklumat penting apa yang disukai dan tidak disukai oleh pensyarah sebelum mereka memberikan pembentangan lisan. Sekiranya, para pensyarah memberikan garis panduan, maka seboleh-bolehnya mereka mengikut panduan langkah tersebut agar mereka mendapat markah yang baik dalam sesi pembentangan lisan.

Merancang Strategi Penyampaian

Isi ucapan yang ingin diucapkan perlu berdasarkan sedikit kajian perpustakaan dan pembacaan. Struktur pembentangan mestilah mengandungi pendahuluan, isi kandungan, cadangan, dan penutup (KSM, 2014). Setiap isi perlu disokong dengan sokongan yang jitu dengan membawakan contoh (Sarji, 1982) yang berkait rapat dengan

kehidupan audiens dan dalam pembentangan pelajar, maka sudah tentu berkait rapat dengan pensyarah dan mahasiswa. Hal ini kerana pembentangan yang dilaksanakan adalah dalam kalangan sesama mahasiswa dan pensyarah.

Menyusun Atur Ucapan

Persiapan untuk teks ucapan perlu dirancang dengan baik. Jika dalam kelas perlu ada set induksi bagi menarik perhatian para pelajar (Jasmi & Tamuri, 2007b; Mohamad, S. & Jasmi, 2011; Jasmi, Meraji, *et al.*, 2012), maka dalam pengucapan awam juga perlu ada perancangan untuk set pengenalan agar pendengar dapat memisahkan audiens daripada persekitaran luar kepada ucapan pembentang. Perkara yang paling sukar bagi pengucapan awam ialah dari segi mengekal fokus audiens terhadap ucapan pembentang khususnya ketika terdapat gangguan yang mengganggu penyampaian dalam bentuk suara bising, kerosakan alat komunikasi, dan lain-lain. Semua perkara ini pada hakikatnya perlu ditanggapi oleh mahasiswa dan mereka perlu mempunyai pelan pembentangan gantian sekiranya berlaku perkara yang mengganggu konsentrasi audiens. Perkara terakhir berkaitan strategi penyampaian ialah menyediakan satu penutup yang merumuskan dengan baik isi pembentangan yang menggambarkan keseluruhan pembentangan yang dibentangkan.

Melakukan Ucapan

Ketika melakukan ucapan dua saluran penyampaian boleh digunakan, iaitu ucapan lisan dan bahasa badan. Ucapan lisan dalam bentuk suara yang berintonasi yang sesuai dengan isi penyampaian. Sedangkan bahasa badan pula berkait rapat dengan pertembungan mata dengan audiens, memek muka, pergerakan tangan, dan pergerakan badan (KSM, 2014).

Ketika melakukan ucapan teknik berikut boleh diaplikasikan kepada audiens pendengar, iaitu mewujudkan hubungan antara pembentang dan pendengar, bersangka baik kepada audiens dan sikap yang proaktif lagi bersungguh-sungguh dalam penyampaian, mengawal suara mengikut rentak isi dan memerhatikan kejelasan suara, serta menggunakan bahan bantu penyampaian bagi menyokong isi dan data penyampaian (Sarji, 1982).

Salah satu perkara penting ketika melakukan ucapan ialah dari segi keterampilan diri. Keterampilan ini berkait rapat dengan pakaian yang sesuai dan selesa, kredibiliti, kualiti diri yang baik, serta bersikap terbuka, komited, dan hormat. Seseorang itu dianggap sebagai berjaya dalam pembentangnya apabila tajuk yang hendak disampaikan adalah sesuai, bahasa dan perkataan yang digunakan adalah tepat, dapat memberikan contoh yang konkrit, mempunyai gaya dan bahasa badan yang sesuai, serta susunan mesej penyampaianya juga adalah jelas (KSM, 2014).

Sesi Soal Jawab

Masa perlu diberikan oleh pembentang untuk sesi soal jawab agar isi pembentangan yang tidak difahami oleh audiens boleh dijelaskan dengan lebih terperinci. Pembentang juga boleh menggunakan peluang ini untuk bertanya kepada audiens tentang isi pembentangan bagi memastikan bahawa mereka benar-benar faham apa yang dibentangkan oleh pembentang (KSM, 2014).

PEPERIKSAAN

Peperiksaan merupakan salah satu aspek pengukuran dalam penilaian pencapaian para mahasiswa di universiti. Fokus peperiksaan di pengajian tinggi kebanyakan adalah untuk para pelajar ijazah pertama. Sudah tentu salah satu elemen yang penting untuk menjadi pelajar cemerlang ialah, para mahasiswa boleh mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan mereka. Oleh itu, di sini disertakan cara persediaan yang baik dalam belajar dan ketika menghadapi peperiksaan.

Istiqamah Beramal dalam Kehidupan dan ketika Musim Peperiksaan

Amalan kerohanian asas Islam wajar diteruskan sepanjang hidup sekalipun para mahasiswa sedang berada dalam musim peperiksaan. Bahkan ketika musim peperiksaan ini amalan kerohanian perlu lebih berdisiplin untuk dilaksanakan. Amalan kerohanian tersebut seperti solat lima waktu, solat Duha, membaca al-Quran, berzikir, dan bertahajud antara amalan yang penting untuk tetap dilaksanakan. Jadual belajar yang disusun jangan sampai mengabaikan beberapa amalan ini kerana semua amalan kerohanian asas ini mampu mengurangkan tekanan belajar dalam musim

yang telah dekat dalam peperiksaan. Hal ini demikian kerana amalan kerohanian ini mampu menenangkan jiwa pengamalnya sebagaimana firman Allah SWT ini:

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ
الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

Maksud: (Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia.

(Surah *al-Ra'd*, 13:28)

Al-Tabari (2000: 432) Menjelaskan bahawa maksud *ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia* memang merujuk kepada amalan zikir itu sendiri akan menetap dan menenangkan hati orang yang mukmin. Maqatil (2002: 377) menjelaskan bahawa maksud ayat *ketahuilah dengan "zikrullah"* ialah merujuk kepada maksud: Ketahuilah dengan membaca al-Quran. Oleh itu, zikir dalam ayat ini merujuk kepada pembacaan al-Quran oleh seseorang akan menenangkan jiwa dan hati mereka. Sedangkan Al-Samarqandi (t.t.: 226) mentafsirkan zikrullah dalam ayat kepada semua jenis amal soleh selepas membenarkan Allah SWT dan Rasulullah SAW. Sebagai rumusan bahawa semua amalan soleh khususnya zikir dan al-Quran merupakan perkara yang mampu mendatangkan ketenangan hati dan jiwa kepada pengamalnya.

Kemudian apabila tiba musim peperiksaan, maka para mahasiswa Islam wajar melakukan solat hajat yang khusus untuk setiap kursus yang mereka menghadapi peperiksaan sekurang-kurangnya dua rakaat bagi setiap kursus mereka. Usaha yang dilakukan untuk belajar, jika disandarkan dengan pengharapan dan doa kepada Allah SWT, merupakan salah satu ciri menjadikan seseorang itu mencapai kejayaan cemerlang seperti apa yang mereka inginkan. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ

Maksud: *Apabila hambaku bertanya kepadamu tentangku, maka sesungguhnya aku sangat dekat dengan para hamba. Dia menjawab semua permohonan pemohon ketika dia memohon.*

(Surah *al-Baqarah*, 2:186)

Al-Tabari (2000) memetik kata-kata al-Sudi dalam menafsirkan ayat ini menyatakan bahawa firman Allah SWT ini dengan katanya bahawa setiap Mukmin yang berdoa, maka doanya pasti diperkenankan doanya. Sekiranya, dia tidak mendapatkan apa yang didoakan, maka Allah menggantikan rezeki yang lain di dunia. Sekalipun dia tidak mendapat rezeki di dunia tersebut, maka dia akan dibalas di akhirat dengan dijauhkan apa yang tidak disukai berupa azab seksa di dalam neraka.

Persediaan Sebelum Hari Peperiksaan

Peperiksaan di universiti kecuali kursus umum universiti amat bergantung pada pensyarah yang mengajar. Sudah menjadi amalan universiti bahawa para pensyarah bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyelia para pelajar mereka dalam kerja kursus, kuiz, ujian, dan peperiksaan. Oleh itu, seseorang pelajar wajar untuk memahami dan membaca pemikiran pensyarah dalam hal soalan jangkaan yang akan ditanya dalam peperiksaan.

Memahami pemikiran pensyarah ini terhadap kecenderungan topik peperiksaan boleh diketahui melalui tips yang diberikan secara berterusan ketika kuliah dijalankan. Biasanya apabila pensyarah bersungguh-sungguh memberi kefahaman terhadap sesuatu tajuk, maka tajuk itu merupakan tajuk yang penting dalam peperiksaan. Kadang-kadang ketika di sesi kuliah, mereka akan menyentuh secara sambil lalu dengan menyatakan tajuk ini penting untuk peperiksaan nanti. Ketika ini para mahasiswa perlu mencatat dalam nota mereka. Mereka wajar memberi fokus kepada tajuk yang disebut tersebut sekalipun cuti pertengahan semester belum berlalu. Hal ini kerana, para pensyarah di universiti dari segi amalannya akan menghantar soalan peperiksaan awal untuk disemak oleh dalam mesyuarat persediaan peperiksaan akhir bagi satu-satu semester. Oleh sebab itu, mereka sangat tahu, bahawa sesuatu topik akan keluar peperiksaan atau tidak.

Apa yang lebih penting bagi para mahasiswa agar tidak terlepas beberapa kelas yang terakhir bagi sesuatu semester. Sekiranya silibus telah habis, pensyarah membuat ulang kaji, maka para mahasiswa mesti

memahami bahawa ulang kaji yang ditanyakan oleh pensyarah mereka itu pada hakikatnya merupakan antara topik penting dalam peperiksaan. Oleh itu, mereka perlu menandai topik yang menjadi tumpuan ulang kaji yang dilakukan oleh pensyarah mereka.

Cara kedua untuk membaca pemikiran pensyarah dalam kecenderungan mereka untuk menyoal dalam peperiksaan ialah dengan membuat analisis soalan beberapa tahun ke belakang. Hal ini dengan syarat kursus yang ditawarkan itu adalah datang daripada pensyarah yang sama. Sesetengah pensyarah, mereka suka mengulang-ulang soalan peperiksaan tersebut seperti dua semester sekali, tiga semester sekali atau empat semester sekali. Dengan melakukan analisis ini, maka mudah bagi para pelajar untuk menebak soalan yang akan mungkin keluar untuk mereka bersedia kepada topik yang akan keluar dalam peperiksaan.

Persediaan pada Hari Peperiksaan

Ambil sarapan yang sederhana sebelum masuk ke dewan peperiksaan sekiranya peperiksaan di awal pagi. Otak manusia memerlukan sedikit gula daripada makanan yang dimakan agar seseorang mahasiswa itu mampu berfikir secara sempurna. Sekiranya peperiksaan pada waktu petang atau malam, jadual makan jangan sampai tertinggal, namun hanya makan secara sederhana. Makan yang terlalu kenyang menghalang seseorang untuk berfikir dengan baik (Moktar, 2011).

Semak beberapa kali jadual peperiksaan dan selalu juga bertanya kepada kawan-kawan sama ada jadual yang diterima itu betul atau ada pertukaran jadual. Peperiksaan di universiti ini selalu juga bertukar jadual yang kadang kala notis pertukaran tersebut tidak sampai kepada sesetengah para pelajar. Pastikan juga tempat peperiksaan yang betul. Hal ini kerana bagi setiap kursus, peperiksaan yang dilaksanakan adalah berbeza-beza tempat bagi kebanyakan universiti. Hal ini kerana, jumlah pelajar yang mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus adalah berbeza. Pihak universiti biasanya hanya menggunakan dewan yang sesuai dengan jumlah pelajar bagi memudahkan pengurusan peperiksaan dan menjimatkan ruang dan tenaga.

Para mahasiswa perlu berada sekurang-kurangnya setengah jam sebelum hari peperiksaan di dewan tempat peperiksaan. Hal ini kerana, bertujuan untuk memastikan dewan peperiksaan tersebut adalah betul untuk kursus yang diambil. Sekiranya tersilap, maka masih ada masa untuk mereka mencari dewan peperiksaan bagi kursus yang diambil.

Jika ingin mengulang kaji pelajaran dalam masa setengah jam ini, di sini peranan mengingat kata kunci dalam pengambilan nota digunakan untuk mengulang kaji seperti cara mengambil nota Cornell (Quintus *et al.*, 2012) untuk mengulang kaji secara cepat.

Ketika dalam dewan peperiksaan dan setelah dibenarkan membuka kertas soalan, para mahasiswa perlu menyemak semua soalan bagi memastikan arahan soalan adalah difahami untuk dijawab. Hal ini kerana setiap pensyarah mempunyai kecenderungan yang berbeza dalam menghasilkan soalan peperiksaan. Seseengah pensyarah suka kepada dua bahagian soalan, iaitu bahagian soalan yang wajib dan bahagian yang boleh dipilih daripada beberapa soalan untuk dijawab. Oleh itu, arahan soalan perlu difahami dahulu sebelum menjawab soalan. Dengan cara ini para mahasiswa dapat menjimatkan masa kerana tidak perlu menjawab semua soalan yang sudah tentu menyebabkan mereka tidak mempunyai masa yang cukup.

Garis kata kunci penting bagi setiap soalan yang dikemukakan. Hal ini demikian supaya mereka tidak terkeliru dengan kehendak soalan. Sekiranya, sesuatu soalan itu hanya diketahui maklumat tersebut secara tidak terperinci, boleh tinggalkan dahulu soalan tersebut untuk menumpukan sedikit pada soalan yang lebih mahasiswa bersedia. Setelah selesai menjawab soalan yang lain barulah pergi kepada soalan ini. Jangan sesekali meninggalkan sebarang soalan tanpa dijawab. Hal ini kerana setiap soalan yang dijawab masih mempunyai kemungkinan markah diperoleh berbanding dengan dibiarkan kosong tanpa jawapan.

Jawab semua soalan yang dikehendaki daripada menumpukan kepada sesuatu soalan. Hal ini kerana pembahagian markah adalah adil bagi setiap soalan. Sekiranya terlalu fokus kepada sesuatu soalan, maka besar kemungkinan mereka terlepas untuk menjawab soalan akhir atau dua soalan terakhir. Sedangkan markah yang diperoleh bagi sesuatu soalan tersebut adalah terhad. Hal ini bermaksud, walau bagaimana bagus pun sesuatu soalan itu dijawab, markah bagi soalan itu mempunyai tahap maksimum. Jangan kerana ingin mendapatkan markah yang tinggi dalam satu-satu soalan menyebabkan seseorang mahasiswa terlepas markah daripada soalan yang lain. Pengurusan masa dengan memberikan masa yang wajar bagi menjawab setiap soalan itu sangat penting bagi seseorang mahasiswa.

Sekiranya peperiksaan yang diambil melibatkan soalan objektif, setelah yakin itu adalah jawapan bagi sesuatu soalan itu dipilih, maka

mahasiswa perlu menandakan jawapan tersebut terus kepada borang kertas jawapan. Jangan sesekali menunggu semua soalan itu dibaca dan ditandai pada kertas soalan dan pada akhir sekali barulah ingin dimasukkan ke dalam kertas jawapan. Amalan ini amat berbahaya sekiranya pelajar kesuntukan masa. Hal ini kerana besar kemungkinan mereka tidak sempat menandai kertas jawapan atau masih untuk menandai sangat suntuk. Ketika ini mereka akan tergopoh gapah untuk menandai borang kertas jawapan sehingga menyebabkan mereka tersilap menandai kertas jawapan pada nombor jawapan yang tidak setara dengan soalan.

Setiap jawapan perlu diberi masa untuk disemak. Anggaran standard menjawab soalan ialah untuk setiap setengah jam soalan yang disuruh untuk dijawab, maka sepuluh minit wajar diberikan oleh mahasiswa untuk menyemak jawapan tersebut agar nampak kemas dan tidak tersilap dari segi ejaan dan lain-lain.

Setelah habis peperiksaan, elakkan daripada berbincang tentang soalan sehinggalah semua kertas peperiksaan selesai. Tujuan perkara ini dilakukan agar momentum terhadap peperiksaan dapat berada pada tahap yang sentiasa tinggi. Akhir sekali, banyak bertawakal kepada Allah SWT setelah segala usaha dari segi rohani dan fizikal dilaksanakan. Hal ini demikian kerana Allah SWT berfirman:

وَمَا لَنَا أَلَّا نَتَوَكَّلَ عَلَى اللَّهِ وَقَدْ هَدَانَا سُبُلَنَا وَلَنَصْبِرَنَّ عَلَى مَا
 آذَيْتُمُونَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُتَوَكِّلُونَ ﴿١٢﴾

Maksud: *Dan mengapa pula Kami tidak berserah diri kepada Allah SWT padahal Dia menunjukkan jalan untuk tiap-tiap seorang dari kami menjalaninya? Dan demi sesungguhnya, kami akan bersabar terhadap segala perbuatan kamu menyakiti kami. dan dengan yang demikian, maka kepada Allah jualah hendaknya berserah diri orang-orang yang mahu berserah.*

(Surah Ibrahim, 14:12)

Menurut Makki (2008: 3785) ayat ini menjelaskan mengapa seorang mukmin hendak meninggalkan Allah SWT sebagai tempat bertawakal sedangkan Allah SWT terbukti mendorong kamu seperti yang kamu

berada sekarang ini. Hal ini bermaksud bahawa dalam segala serba serbi diri mahasiswa adalah datangnya daripada Allah SWT dari segi kebijaksanaan, kepintaran, kesihatan tubuh, kemampuan berada di menara gading, dan segala-galanya, maka hal ini sudah tentu tidak wajar Allah SWT dilupakan untuk menyerahkan segala usaha kepadanya untuk membantu dalam peperiksaan mereka.

RUMUSAN

Bab ini membicarakan secara lengkap teknik kemahiran membaca seperti SQ3R, SQ4R, KWLH, dan REAP. Keempat-empat teknik ini mampu membantu para mahasiswa untuk membaca secara berkesan tulisan akademik sama ada buku, jurnal, dan tesis. Turut dibincangkan ialah kemahiran mendengar yang betul agar para mahasiswa dapat mencerakinkan antara maklumat yang utama dan yang sebaliknya bagi membantu mahasiswa untuk mengambil dan menyusun nota kuliah mereka. Turut didedahkan selepas kemahiran mendengar ialah kemahiran metode Cornell dan metode 5R ketika mengambil dan menyusun nota kuliah. Kedua-dua metode ini amat berguna kepada para mahasiswa sebagai cara mendapatkan pengetahuan dan sebagai cara yang mudah untuk mereka menghadapi ujian dan peperiksaan.

Bahagian terpenting daripada panduan belajar dalam kalangan mahasiswa ialah kemahiran penulisan kertas kerja, pembentangan lisan, persediaan sebelum dan ketika peperiksaan. Kemahiran penulisan akademik membicarakan kepentingan penulisan akademik dan kepentingan kepada mahasiswa untuk menjauhkan diri daripada unsur plagiat dalam penulisan akademik mereka. Manakala mempelajari teknik pembentangan lisan telah didedahkan dengan ciri pembentang yang baik, pemilihan tajuk, mengkaji latar belakang audiens, merancang strategi penyampaian, menyusun atur ucapan, melaksanakan ucapan, dan mengadakan sesi soal jawab. Semua ciri ini boleh dipertingkatkan kemahirannya oleh para mahasiswa dengan latihan berterusan atau daripada pewarisan semula jadi diri mahasiswa. Akhir sekali, bab ini memberi panduan kepada mahasiswa tentang teknik mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan. Teknik ini berkait rapat dengan amalan kerohanian dalam hidup khususnya ketika musim peperiksaan sebagai satu elemen penting menyerap tekanan peperiksaan. Selain itu turut diberikan kepada mahasiswa panduan yang lengkap cara menghadapi peperiksaan dari segi persediaan sebelum peperiksaan dan ketika peperiksaan.

Semua perbincangan dalam bab ini diharap dapat memberikan panduan yang berguna kepada individu mahasiswa agar teknik belajar dan teknik mempertingkatkan kemahiran diri ketika berada di universiti dapat diaplikasikan ketika mereka berada di alam pengajian tinggi. Hal ini seterusnya mampu memberikan faedah kecekapan dalam kemahiran yang menyediakan mereka orang yang benar-benar memiliki kemahiran yang tinggi dalam kehidupan mereka di alam pekerjaan pada pelbagai bidang.

RUJUKAN

- Abbasi, Manshoor Hussain, Siddiqi, Attiya, & Azim, Rahat ul Ain. (2011). Role of Effective Communications for Enhancing Leadership and Entrepreneurial Skills in University Students. *International Journal of Business and Social Science*, 2(10), 242-250.
- Abdul Aziz, Mohd Najib, & Ahmad, Nor Shafrin. (2008). Kemahiran Belajar dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik: Kajian di Daerah Kerian, Perak. [The Relationship Between Learning Skills and Students Academic Achievement: A Study in the District of Kerian, Perak]. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 23, 29 - 47.
- Abdul Majid, Marziana. (2013, 4-5 June 2013). *Membudayakan Adab dalam Penggunaan Internet dalam Kalangan Pelajar*. Paper presented at the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013, Penang, Malaysia.
- Abedin, Md. Minhajul, Majlish, Saiful Hassan Khan, & Akter, Shorna (2009). Listening Skill At Tertiary Level: A Reflection. *The Dhaka University Journal of Linguistics*, 2(3), 69-90.
- Al-Firdaus, Mochammad Malik (2012). SQ3R Strategy for Increasing Students' Retention of Reading and Written Information. *Open Journal Systems*, 37(1), 1-15.
- Al-Samarqandi, Abu al-Laith. (t.t.). *Bahr al-'Ulum*. T.P.: T.T.P.
- Al-Tabari, Muhammad. (2000). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran* (Vol. 1-24). Beirut: Mu'assash al-Risalah.
- Amin, Mohd Hairudin, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press.
- Eanet, Marilyn G., & Manzo, Anthony V. (1976). REAP-A Strategy for

- Improving Reading/Writing/Study Skills. *Journal of Reading*, 19(8), 647-652.
- Fengjuan, Zhang. (2010). The Integration of the Know-Want-Learn (KWL) Strategy into English Language Teaching for Non-English Majors. *Chinese Journal of Applied Linguistics (Bimonthly)*, 33(4), 77-86.
- Ilias, Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2011). *Peranan Pendidikan Islam dalam Pembangunan Modal Insan Kelas Pertama*. Paper presented at the Persidangan Kebangsaan Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Ismail, Muhamad Faiz, Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2012, 8-9 March 2012). *Pemantapan Peranan Guru dan Kaedah P&P Pendidikan Islam: Suatu Agenda Berterusan (Strengthening Role and the Method of Teaching and Learning in Islamic Education: a Continuing Agenda)*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. (PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Retrieved from <http://dms.library.utm.my:8080/vital/access/manager/Repository/vital:67877>
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013). *Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan Islam: Pengamalan Guru Cemerlang Pendidikan Islam*. Paper presented at the Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia, Main Hall of Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). <http://eprints.utm.my/38362/1/Cover%20%26%20Paper.pdf>
- Jasmi, Kamarul Azmi, Ibrahim, Noratikah, & Ilias, Mohd. (2012, 8-9 March 2012). *Gaya Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Meraji, Mohd, & Nawawi, Noor Fadhlina. (2012). *Beberapa Hari Permulaan dalam Bilik Darjah*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012], Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Nawawi, Noor Fadhlina. (2012, 8-9 March 2012). *Model Guru Berkualiti dari Perspektif Tokoh Pendidikan*

- Islam dan Barat*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2007a, 22-23 Ogos 2007). *Guru Cemerlang dalam Sekolah Berkesan*. Paper presented at the Seminar Pendidikan Kebangsaan Halatuju dan Masa Depan Pendidikan Negara, Auditorium Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2007b). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Tamuri, Ab Halim, & Hamzah, Mohd Izham Mohd. (2011). Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan. *Jurnal Teknologi*, 56(1), 179-198.
- KSM. (2014). Pengucapan Awam yang Berkesan. Retrieved 21 September 2014, 2014, from <http://web.moe.gov.my/bppk/pdf/penerbitan/PENGUCAPAN%20AWAM%20YANG%20BERKESAN.pdf>
- Makki, Abu Muhammad. (2008). *Al-Hidayah ila Bulugh al-Nihayah fi 'ilm ma'ani al-Qur'an wa tafsirih wa Abkamih wa Jumali li Funun 'Ulumihi* (Majmu'at Rasa'il Jami'iyah bi Kuliyyah al-Dirasat al-'Ulya wa al-Bahs al-'Ilm - Jami'ah al-Sharifah Ed. Vol. 1-13). Makkah: Majmu'at Buhuth al-Kitab wa al-Sunnah - Kulliyat al-Shari'ah wa al-Dirasat al-Islamiyyah - Jami'at al-Syariqah.
- Maqatil, Sulayman. (2002). *Tafsir Maqatil bin Sulayman* ('Abdullah Mahmud Shahatih Ed.). Beirut: Dar Ihya' al-Turath.
- Mohamad, Baharom. (2012). Menguasai Kemahiran Membaca Secara Berkesan. *Utusan Borneo*, B3-B4.
- Mohamad, Shamsudin, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2011). *Penyeliaan Guru dalam Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Mohd Noor, Ahmad Firdaus, Jasmi, Kamarul Azmi, & A Shukor, Khairunnisa. (2014). Elemen Kemahiran Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam di Politeknik Premier: Satu Kajian Rintis. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 96-106.
- Mohd Noor, Ahmad Firdaus, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2013, 18-19 Disember 2013). *Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam Politeknik:*

- Satu Kajian Kes*. Paper presented at the Seminar Pasca Siswazah Fakulti Tamadun Islam Kali Kedua 2013, Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yusoff, Nurahimah, Osman, Rafisah, Shaari, Abdull Sukor, & Ghazali, Mohd Izam. (2012). *Kemahiran Belajar dalam Kalangan Pelajar Bidang Pendidikan*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012, The Zon Regency by The Sea Johor Bahru. <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/medc2012/pdf/63.pdf>
- Mohd. Hairudin, Amin, & Kamarul Azmi, Jasmi. (2011). *Sekolah Agama: Penjana Generasi Berakhlak* (Ed. 1. ed.). Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia: Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.
- Moktar, Zainah. (2011). *Awet Muda 7 Rahsia Kesihatan Holistik*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Morreale, Sherwyn P., Osborn, Michael M., & Pearson, Judy C. (2000). Why Communication is Important: A Rationale for the Centrality of the Study of Communication. *Journal of the Association for Communication Administration*, 29, 1-25.
- Ogle, Donna M. (1986). KWL: A Teaching Model that Develops Active Reading of Expository Text. *The Reading Teacher*, 40(564-570).
- Pauk, Walter. (1984). The New SQ4R. *Reading World*, 23(3), 274-275. doi: 10.1080/19388078409557775
- Pauk, Walter, & Owens, Ross J. Q. (2005). *How to Study in College* (Eight Edition ed.).
- Quintus, Lori, Borr, Mari, Duffield, Stacy, Napoleon, Larry, & Welch, Anita. (2012). The Impact of the Cornell Note-Taking Method on Students' Performance in a High School Family and Consumer Sciences Class. *Journal of Family & Consumer Sciences Education*, 30(1), 27-38.
- Robinson, Francis Pleasant. (1962). *Effective study*. New York: Harper and Row.
- Rosman, Arieff Salleh. (2002). *Harta Intelektual Menurut Fiqh Islam: Pendekatan Perbandingan dengan Undang-undang Malaysia*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Rosman, Arieff Salleh, Hassan, Ahmad Mahyuddin, Suratman, Azmi Shah, Ripin, Mohd Nasir, & Marni, Nurazmallail. (2008). Persepsi Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Terhadap Plagiarisme. *Jurnal Teknologi*, 48(E), 1-14.

- Sarji, Asiah. (1982). Berucap untuk Khalayak Umum. *Jurnal Komunikasi*, 2(1), 30-38.
- Suardani, A., Ardana, K., & Putra, Adnyana (2013). Pengaruh Model Pembelajaran SQ4R terhadap Keterampilan Membaca dalam Pembelajaran Bahasa Indonesia Siswa Kelas V Sd Gugus I Denpasar Selatan. *Mimbar PGSD*, 1(1), 1-10.
- Sulaiman, Zaharuzzaman, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2013, 26 Jun 2013). *Gaya Pembelajaran dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar: Satu Kajian Tinjauan di Pusat Pendidikan Andalus Peringkat Menengah di Singapura*. Paper presented at the Seminar Pasca Siswazah Pertama. Fakulti Tamadun Islam, Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Tamuri, Ab Halim, Ismail, Muhamad Faiz, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). Komponen Asas untuk Latihan Guru Pendidikan Islam [Basic Components for Islamic Education Teacher Training]. *Global Journal al-Thaqafah*, 2(2), 53-63.
- Tandon, Ruchi. (2012). Public Speaking, an Inborn Talent or a Skill. *VSRD Technical & Non-Technical Journal an International Journal*, 3(2), 79-83.
- Tasdemir, Mehmet. (2010). The Effects of the REAP Reading Comprehension Technique on Students' Success. *Social Behavior and Personality an International Journal*, 38(4), 553-560.
- Weaver, Constance. (1994). *Reading Process and Practice: From Socio-Psycholinguistics to Whole Language* (Second Edition ed.). Portsmouth, NH: Heinemann.